

Headline **KLIUC anjur Simposium**
Date **14. Oct 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Setempat**
Circulation **336603**
Readership **2192000**

Language **MALAY**
Page No **26**
Article Size **97** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue



KLIUC anjur simposium

Lebih 200 peserta pelbagai latar belakang ambil bahagian dalam pameran geo-maklumat



>>Oleh **Faizatul Farlin**
Farush Khan
ffarlin@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kemajuan dalam bidang teknologi maklumat geografi banyak memainkan peranan dalam membantu golongan profesional menjalankan urusan termasuk perniagaan serta operasi organisasi masing-masing.

Menyedari hakikat itu, Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (KLIUC) mengambil langkah menganjurkan Pameran dan Simposium Geo-Maklumat Antarabangsa ke-7 (ISG 2008) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, bermula semalam.

Pameran tiga hari itu yang



RASMI...Idris memukul gong tanda merasmikan majlis sambil ditemani Pengerusi ISG 2008, Prof Dr Mahadzer Mahmud.

dirasmikan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron, juga satu kejayaan buat KLIUC memandangkan ia menjadi institusi pengajian swasta pertama menganjurkan simposium berkenaan.

Dengan tema 'Meningkatkan Pembangunan Infra-

struktur Menerusi Teknologi Geo-Maklumat Inovatif', simposium itu turut dianjurkan bersama Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Institut Juru Ukur Malaysia (ISM)

dan Pusat Infrastruktur Data Geospasial Malaysia (MCGDI).

Idris berkata, menyedari kepentingan perkembangan teknologi di negara ini, kerajaan memperuntukkan jumlah sehingga RM4.4 bilion bagi memajukan lagi pembangunan dan kajian bi-

dang berkaitan yang boleh digunakan juga untuk memajukan teknologi geo-maklumat.

"Kita mementingkan golongan penyidik dan berharap rakyat di negara ini dapat memasuki kawasan bidang yang belum pernah diimpikan selama ini contohnya penghantaran angkasawan ke angkasa lepas," katanya selepas merasmikan pameran itu.

Lebih 200 peserta daripada pelbagai latar belakang profesional sektor swasta dan awam menyertai pameran itu, antaranya juru ukur, jurutera, ahli akademik, kartografer, ahli geodesis yang berminat menggunakan teknologi berkenaan untuk memenuhi keperluan bidang mereka.

Lima penceramah dari organisasi berkaitan menyampaikan taklimat mereka sepanjang pameran itu, selain 136 kertas kerja akan dibentangkan.